

LAPORAN TAHUNAN 2023



Yayasan Waqaf Malaysia



LAPORAN
TAHUNAN



Yayasan Waqaf Malaysia

2023

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
YAYASAN WAQAF MALAYSIA
Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya

Susun Atur dan Rekaan Grafik oleh:
Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia

©Yayasan Waqaf Malaysia, 2024

KANDUNGAN

Prakata Pengerusi	2
Visi & Misi Kami	4
Objektif Kami	5
Maklumat Korporat	6
Struktur Organisasi	7
Lembaga Pemegang Amanah	8
Jawatankuasa Kerja	10
Pengurusan Tertinggi	12
Carta Organisasi	13

Kakitangan YWM	14
Laporan Ketua Pegawai Eksekutif	16
YWM vs Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	18
Penerimaan Dana	20
Rangka Kerja Agihan Dana YWM	26
Rakan Strategik	37
Potongan Cukai	38
Maklumat Perhubungan	39
Kod QR Wakaf	40



Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Waqaf Malaysia

**SENATOR DATO' SETIA DR.
HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

PRAKATA Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, Laporan Tahunan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) 2023 dapat diterbitkan. Buku ini merekodkan segala tugas yang telah dilaksanakan oleh YWM dalam tempoh setahun. Untuk itu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan buat semua pihak termasuk rakan-rakan strategik YWM yang telah terlibat dalam menjayakan segala perancangan agensi bagi lembaran 2023.

Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan selamat datang kepada wakil Majlis Islam Sarawak sebagai ahli baharu Lembaga Pemegang Amanah YWM. Insya-Allah, dengan kehadiran lengkap kesemua wakil Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), agensi kerajaan dan tokoh korporat yang dilantik akan mendorong kepada penjanaan idea dan inisiatif strategik yang baru, unik serta bermanfaat untuk pembangunan wakaf. Tahun ini juga menyaksikan pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Risiko YWM yang bertujuan untuk meningkatkan pengupayaan YWM menguruskan risiko secara efektif dan efisien serta meminimumkan impak yang boleh menjejaskan pencapaian misi dan visi agensi.

Amanat saya buat setiap warga kerja YWM agar sentiasa penuh berintegriti dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dan meletakkan ilmu sebagai asas utama pembangunan diri. Memperkasakan integriti tentunya akan menjamin kecemerlangan organisasi seterusnya menjemput kepercayaan umum. Manakala dengan akal yang celik, kita boleh memperteguhkan kekuatan bidang yang dimiliki.

Semoga YWM akan terus melakar lebih banyak potret kejayaan sebagai sebuah entiti wakaf peringkat Persekutuan dan menjadi penanda aras transformasi industri wakaf di Malaysia.

Selamat Maju Jaya!



OBJEKTIF KAMI



Membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf



Membangun dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat dan amal jariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan umat Islam



Menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari, terkini dan inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf



Menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi di kalangan umat Islam secara progresif dan produktif, khususnya bagi mengurangkan jurang kemiskinan



Menyempurnakan amanah pewakaf

MAKLUMAT KORPORAT

NOMBOR PENDAFTARAN

PPAB-02/2008

TARIKH PENUBUHAN

23 Julai 2008

UNDANG-UNDANG DIGUNAPAKAI

Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952 (Akta 258)

Enakmen-Enakmen Berkaitan Wakaf di Malaysia

ALAMAT PEJABAT

Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya

JURUAUDIT

Azhar Noriza Zainuddin (AF 0018651)

SUBSIDIARI




PERBADANAN WAKAF
NASIONAL BERHAD



YWM-MAIN HOLDINGS
SDN.BHD.

STRUKTUR ORGANISASI



AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH



PENGERUSI

- 1 - **YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar**
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

NAIB PENERUSI

- 2 - **YBhg. Dato' Selamat bin Paigo**
Ketua Pengarah JAWHAR

AHLI

- 3 - **YBhg. Tan Sri Datuk Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman**
Mantan Ahli Majlis Pakar (Syariah)
Jabatan Peguam Negara
- 4 - **YBhg. Datuk Hajah Hakimah binti Mohd Yusof**
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- 5 - **YBhg Dato' Haji Shaikh Harun bin Shaikh Ismail**
Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
- 6 - **YBhg. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abd Rahman**
Yang DiPertua
Majlis Agama Islam Pulau Pinang
- 7 - **YBhg. Datuk Haji Misnu bin Haji Taha**
Yang DiPertua
Majlis Islam Sarawak
- 8 - **YBhg. Dato' Wira Syeikh Yahaya bin Jusoh**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam Negeri Kedah
- 9 - **YH. Dato' Ahmad Hairi bin Hussain**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

- 10 - **YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusof**
Pengerusi
Perbadanan Wakaf Selangor
- 11 - **YBrs. Tuan Haji Zulkifle bin Ab Rahman**
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- 12 - **YBrs. Encik Ramlan bin Haji Awang Ali**
Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Ugama Islam Sabah
- 13 - **YBrs. Encik Zainal bin Said**
Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
- 14 - **YBrs. Tuan Haji Ismail bin Abu**
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor
- 15 - **YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya**
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
- 16 - **YBrs. Dr. Aida bin Othman**
Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
- 17 - **YBhg. Dato' Prof. Dr. Noor Inayah binti Yaakub**
Presiden dan Naib Canselor
Infrastructure University Kuala Lumpur
- 18 - **YBrs. Dr. Nirwan bin Noh**
Timbalan Setiausaha
Bahagian Sektor Penyelidikan Ekonomi
Kementerian kewangan Malaysia

JAWATANKUASA KERJA

PENASIHAT SYARIAH



Pengerusi

YBhg. Dato' Prof. Dr. Noor Inayah binti Yaakub
Presiden dan Naib Canselor
Infrastructure University Kuala Lumpur



Ahli

**Sahibus Samahah Datuk Prof. Madya
Dr. Luqman bin Haji Abdullah**
Mufti Wilayah Persekutuan



YBrs. Prof. Dr. Aznan bin Hasan
Profesor Institut Kewangan dan Perbankan Islam
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



YBrs. Prof. Dr. Azman bin Mohd Noor
Profesor dan Pensyarah Kanan
Institut Kewangan dan Perbankan Islam
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



YBrs. Prof. Madya Dr. Siti Mashitoh binti Mahamood
Profesor Madya Jabatan Syariah dan Undang-Undang
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

PELABURAN DAN KEWANGAN



Pengerusi

YBhg. Dato' Selamat bin Paigo
Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



Ahli

YBrs. Encik Ramlan bin Haji Awang Ali
Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Ugama Islam Sabah



YBhg. Prof. Dato' Dr. Mustafa bin Mohd Hanefah
Profesor Fakulti Ekonomi dan Muamalat
Universiti Sains Islam Malaysia



YBrs. Encik Syed Izmi bin Syed Kamarul Bahrin
Pengarah Eksekutif
Mekar Capital Sdn. Bhd



YBrs. Dr. Shahrul Azman bin Abd. Razak
Ketua Penolong Pengarah (Kanan)
Seksyen Infrastruktur 1
Unit Kerjasama Awam Swasta
Kementerian Kewangan Malaysia

PENGURUSAN RISIKO



Pengerusi

YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Haji Md. Yusof
Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor



Ahli

YBhg. Datuk Mohd Nizam bin Haji Yahya
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan



YBrs. Dr. Aida bin Othman
Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



YBrs. Encik Mohd Farid bin Kamarudin
Ketua Pegawai Eksekutif
RHB Islamic International Asset Management



YBrs. Encik Shamsul Bahar bin Shajian
Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perolehan
Jabatan Perdana Menteri

AUDIT



Pengerusi

YBrs. Dr. Nirwan bin Noh
Timbalan Setiausaha
Bahagian Sektor Penyelidikan Ekonomi
Kementerian Kewangan Malaysia



Ahli

YBrs. Puan Nor Hafizah binti Hashim
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji



YBrs. Encik Azzerol Effendi bin Abdul Kadir
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kewangan
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

PENGURUSAN TERTINGGI

YBRS. DR. RIDZWAN BIN BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif



ENCIK ABDUL HALIM BIN MAT YUSOP
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif



**PUAN NUR SYAFFINA
BINTI AB RAHIM**
Pengurus Bahagian Dasar
dan Pembangunan

CIK HAIDATUL AZIA BINTI HUSIN
Pengurus Bahagian Pemasaran
dan Korporat


**PUAN HANIM IDZURA
BINTI MOHD KALYUBI**
Pengurus Bahagian Pengurusan

**ENCIK MOHD BOKHARI
BIN MAT DOA**
Pengurus Bahagian Kewangan

ENCIK MOHD FAZDLI BIN ROSLI
Eksekutif Kanan 1
Bahagian Pengurusan Dana
(Menjalankan Tugas Pengurus)

**CIK WAN SYAZANA AKMAL
BINTI WAN ROSLAN**
Penasihat Undang-Undang

CARTA ORGANISASI



Rujukan

Tetap Kontrak

KAKITANGAN YWM



YBrs. Dr. Ridzwan bin Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif



Encik Abdul Halim bin Mat Yusop
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif



Puan Nur Syaffina binti Ab Rahim
Pengurus Bahagian Dasar
dan Pembangunan



Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran
dan Korporat



Puan Hanim Idzura binti Mohd Kalyubi
Pengurus Bahagian Pengurusan



Encik Mohd Bokhari bin Mat Doa
Pengurus Bahagian Kewangan



Encik Mohd Fazli bin Rosli
Eksekutif Kanan 1
Bahagian Pengurusan Dana
(Menjalankan Tugas Pengurus)



Cik Wan Syazana Akmal binti Wan Roslan
Penasihat Undang-Undang



Puan Maya Idura binti Sabar
Eksekutif Kanan
Bahagian Dasar dan Pembangunan



Puan Norbaity Hariani binti Muhammad
Eksekutif Kanan 2
Bahagian Pengurusan Dana



Encik Zulakmal Hakimi bin Zahari
Akauntan
Bahagian Kewangan



Puan Majidah binti Zainudin
Eksekutif
Bahagian Pengurusan



Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Pegawai Media
Bahagian Pemasaran dan Korporat



Puan Khairunnisa binti Rassul
Eksekutif Syariah
Bahagian Dasar dan Pembangunan



Encik Mohd Hafiz bin Sahrudin
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Bahagian Pengurusan Dana



Puan Nor Diyana binti Che Mat
Penolong Akauntan 1
Bahagian Kewangan



Cik Nurain binti Hasri
Penolong Pegawai Tadbir 1
Bahagian Pemasaran dan Korporat



Puan Munirah binti Mat Junoh
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Dasar dan Pembangunan



Encik Ahmad Shah Rezza bin Ahmad Zubir
Penolong Pegawai Tadbir 2
Bahagian Pemasaran dan Korporat



Encik Umair bin Abdul Halim
Penolong Pegawai Tadbir
Bahagian Pengurusan



Encik Affah bin Aminudin
Penolong Pegawai Tadbir 3
Bahagian Pemasaran dan Korporat



Cik Norshaheena binti Abdul Salim
Penolong Akauntan 2
Bahagian Kewangan



Puan Ramlah binti Muhamad
Pembantu Tadbir
Bahagian Pengurusan



Encik Wan Mohd Lokman bin Wan Md Zin
Pembantu Tadbir 1
Bahagian Kewangan



Puan Nurul 'Abidah binti Ismail
Pembantu Tadbir 2
Bahagian Kewangan



Puan Aniza binti Ludin
Setiausaha Pejabat



Encik Sharil Nizam bin Al Malek Hasan
Pembantu Tadbir
Bahagian Pengurusan Dana



Encik Mohd Syamidy bin Mat Jusoh
Pembantu Tadbir
Bahagian Pemasaran dan Korporat



Encik Muhammd Rusydi bin Mohd Shaari
Pembantu Operasi
Bahagian Pengurusan



Encik Mohd Zainol Abidin bin Mamat
Pemandu
Bahagian Pengurusan

Rujukan

Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Kumpulan Pelaksana



Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia

DR. RIDZWAN BAKAR

LAPORAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali, syabas diucapkan kepada barisan editor kerana berjaya menghasilkan laporan yang menghimpunkan segala momen yang dicipta sepanjang tahun 2023. Kesempurnaan rujukan ini sangat perlu dititikberatkan bagi menggambarkan perkembangan YWM selepas 15 tahun beroperasi.

Sekalung penghargaan juga diucapkan buat kakitangan YWM yang menunjukkan komitmen tinggi menyumbangkan tenaga dalam menyokong pelaksanaan dasar, program dan aktiviti yang telah dirancang. Saya berharap kita terus istiqamah untuk memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam pelbagai aspek demi manfaat rakyat dan negara. Insya-Allah, dengan penyediaan Pelan Strategik YWM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang, YWM akan lebih proaktif bergerak ke hadapan dan cita-cita untuk muncul sebagai institusi penting bukan sahaja di Malaysia tapi sehingga peringkat dunia dapat direalisasikan.

Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR dan YWM sentiasa komited mendukung segala usaha MAIN agar institusi wakaf dapat berperanan aktif dan efektif untuk membangun dan memangkin pertumbuhan ekonomi umat Islam serta berupaya meningkatkan martabat ummah. Penglibatan sektor korporat turut membantu merancakkan kegiatan ini. Sebagai contoh, bersempena sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan 2023, YWM telah menerima tajaan bernilai RM100,000.00 daripada CIMB Islamic Bank Berhad bagi program promosi wakaf di seluruh negara. Pelbagai aktiviti berkaitan wakaf memenuhi takwim Ramadan YWM. Alhamdulillah, sepanjang bulan Ramadan 1444H, sebanyak RM952,256.99 kutipan wakaf yang telah diperolehi, manakala RM160,150.00 telah diagihkan kepada 1,276 penerima.


Secara keseluruhan, sepanjang tahun 2023, YWM mencatatkan jumlah kutipan sebanyak RM23,952,241.56 merangkumi sumbangan wakaf tunai dan CSR. Manakala dari segi agihan pula, sejumlah RM9,133,134.30 telah dibelanjakan sehingga 31 Disember 2023.

Buat para penyumbang, saya mewakili warga kerja YWM mendoakan agar diberi kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki dan semoga harta yang disumbangkan menjadi bekalan indah menuju ke akhirat kelak. Terima kasih atas sokongan yang tiada gantinya.

‘Wakaf Rahmah Untuk Semua’

PRODUK WAKAF KAMI ADALAH SELARAS DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAK (SDG)

PRODUK-PRODUK YANG TELAH DILULUSKAN OLEH LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YWM




SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS




Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* atau **SDG)** merupakan agenda teras 2030 dalam pembangunan lestari yang dipersetujui oleh pemimpin dunia pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. SDG adalah kesinambungan kepada agenda pembangunan selepas Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) berakhir pada tahun 2015. MDG terdiri daripada 8 Matlamat dan 21 Sasaran, manakala SDG telah diperluaskan kepada 17 Matlamat dan 169 Sasaran yang meneruskan usaha untuk mencapai agenda 2030 dalam kestabilan tiga dimensi pembangunan lestari, iaitu sosial, ekonomi dan alam sekitar.

PADA TAHUN 2023, KAMI TELAH MENERIMA:



BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN BERWAKAF DAN TERIMAAN DANA WAKAF, KAMI TELAH MELAKSANAKAN –





SAMBUTAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN TAHUN 2023



SELARAS DENGAN SDG, KAMI TELAH MENJALINKAN 4 KERJASAMA BAGI TUJUAN MENINGKATKAN KUTIPAN WAKAF DAN MEMPERKASAKAN WAKAF –

Majlis Pelancaran Program Wakaf Foodbank Rahmah dan Penyerahan Tatacara Pengurusan Aset Wakaf Alih oleh YWM kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Hotel Marriot Putrajaya



Majlis Pelancaran Kerjasama Strategik Wakaf Tunai Malaysia antara YWM dan Bank Simpanan Nasional



Majlis Menandatangani Kerjasama Strategik antara YWM dan LC Wakaful Digital Sdn. Bhd.



Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Pewujudan Kemudahan Pilihan Kebajikan Melalui Produk Takaful PruBSN WarisanPlus antara YWM dan Prudential BSN Takaful Berhad



SELAIN DARI PELAKSANAAN AKTIVITI DAN SELARAS DENGAN SDG, PENINGKATAN DANA DIDORONG DENGAN PENGURUSAN ASET OLEH YWM, IAITU –



PUTERI BAY HOTEL MELAKA

Alamat:

Lot 2166 & 2167, Mukim Tanjung Kling, Daerah Melaka Tengah, 76400 Melaka

No. Tel

06-353 5555 / 011-6523 2166

Emel

puteribayhotelmelaka@pwnb.com.my
sales.pbhm@pwnb.com.my

Laman Web

www.puteribayhotelmelaka.com



THE GRAND PUTERI HOTEL

Alamat:

PT 3981, Jalan Masjid Abidin, 20100 Kuala Terengganu

No. Tel

09-621 5555 / 019-288 4501

Emel

reservation.tgph@pwnb.com.my

Laman Web

www.thegrandputerihotel.com



HOTEL SERI WARISAN TAIPING

Alamat:

2453, Jalan Convent, 34000 Taiping

No. Tel

05-805 2312 / 011-2801 9139

Emel

theregencytaiping@gmail.com

Laman Web

www.theregency.com.my/SW





Alamat:
Lot No. 51, Jalan Pagoh Jaya 1,
Taman Pusat Perniagaan Pagoh
Jaya, Pagoh, 84500 Muar

Jenis Perniagaan:
Restoran



Alamat:
Lot No. 53, Jalan Pagoh Jaya 1,
Taman Pusat Perniagaan Pagoh
Jaya, Pagoh, 84500 Muar

Jenis Perniagaan:
Kelengkapan Haji dan Umrah



Alamat:
Lot D10, Bangi Gateway,
43650 Bandar Baru Bangi

Jenis Perniagaan:
Tingkat Bawah - Poliklinik
Tingkat 1 - Sekolah Rendah Islam
Tingkat 2 - Agensi Konsultan



Alamat:
Lot F15, Jalan BG 3B/1, Bangi Gateway,
Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi

Jenis Perniagaan:
Pusat Terapi Pertuturan



Alamat:
Lot F17, Jalan BG 3B/1, Bangi Gateway,
Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi

Jenis Perniagaan:
Pusat Asuhan dan
Jagaan Kanak-kanak

RANGKA KERJA AGIHAN DANA YWM

MAQASID SYARIAH



PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH

**SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS**
1,2,3,4,6,8,11,13



ENVIRONMENTAL



SOCIAL



GOVERNANCE

**Mengoptimum
Kebajikan
Masyarakat**

**Memastikan
Kehidupan
Berkualiti**

**Memperkasa
Komuniti**

**Memelihara
Persekitaran**

→ Matlamat utama yang perlu dicapai untuk memastikan semua inisiatif wakaf memberi manfaat kepada kemaslahatan masyarakat bagi memelihara 5 elemen utama iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

→ Pembangunan wakaf dijaikarkan dengan visi Malaysia MADANI melalui usaha ke arah memperkasakan masyarakat dan mendukung kesejahteraan kolektif.

→ Memberi fokus kepada kesejahteraan insan melalui pengurusan aset wakaf secara sistematik, membangunkan model wakaf inovatif dan memastikan manfaat terus sampai kepada penerima.

→ Usaha yang dilaksanakan bagi memastikan wakaf menjadi instrumen berkesan dalam menyokong pembangunan mampan.

→ Penerapan prinsip ESG dalam pembangunan wakaf bagi melindungi alam sekitar melalui projek mesra alam, memberi impak sosial yang positif melalui inisiatif kebajikan serta memastikan pengurusan wakaf yang telus, bertanggungjawab dan beretika.

AGIHAN DANA KAMI BERTERASKAN KEPADA –

1. MAQASID SYARIAH



2. MALAYSIA MADANI DAN PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH



6 NILAI TERAS

1. Kemampanan
2. Kesejahteraan
3. Daya Cipta
4. Hormat
5. Keyakinan
6. Ihsan



Pelan Transformasi Al-Falah

Teras 2:
Kesejahteraan
Ihsan

Teras 5:
Kehormatan
Institusi Islam

Fokus 3:
Kemampanan
Ekonomi dan
Kebajikan Sosial
Islam

Fokus 10:
Pemodenan Prasarana
Institusi Islam

Wakaf Tunai WATANI Wakaf Halal
PKS

Wakaf Masjid
Hijau

3. MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)



1 TIADA KEMISKINAN

Bagi membentuk komuniti yang bebas kemiskinan dan mencapai kehidupan yang berkualiti, dana-dana YWM turut digunakan bagi menyediakan peluang ekonomi yang lebih baik melalui program-program keusahawanan, memberi akses kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan yang sempurna. YWM juga mewujudkan produk Wakaf Bencana dengan penumpuan khas kepada mangsa-mangsa bencana bagi mengelakkan mereka tidak berada di bawah garis kemiskinan



2 KELAPARAN SIFAR

Dana-dana YWM telah diagihkan bagi tujuan penyediaan bakul makanan dan sumbangan tunai dalam usaha memastikan golongan yang memerlukan mendapat bekalan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Selain itu, pewujudan program Wakaf Pertanian Bersepadu akan dapat membantu komuniti menghadapi masalah ketidakcukupan makanan



3 KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN

Memandangkan dengan kesihatan yang baik memungkinkan individu untuk belajar, bekerja dan menyumbang kepada masyarakat, dana-dana YWM diagihkan bagi tujuan penyediaan peralatan perubatan / kesihatan untuk kegunaan hospital-hospital terpilih dan sumbangan tunai kepada golongan memerlukan bagi membantu mereka mendapat akses kepada penjagaan kesihatan / mendapatkan rawatan yang lebih baik



4 KUALITI PENDIDIKAN

Dana-dana YWM termasuklah produk Wakaf Tunai Pendidikan YWM-PINTA dan Sijil Wakaf Tunai Pendidikan telah membantu menyediakan peranti seperti tablet / komputer riba bagi membantu pelajar termasuk pelajar tahfiz mengakses maklumat pembelajaran di samping membaik pulih fasiliti sekolah bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar. Selain itu, Wakaf Makmal Bahasa Digital Bergerak telah diwujudkan bagi membantu penduduk Pulau Pinang terutamanya dari kawasan luar bandar mendapat maklumat dengan berkesan



6 AIR BERSIH DAN SANITASI 	Melalui produk Wakaf Air, YWM telah membantu memastikan akses kepada air bersih seperti projek pembinaan telaga, dapat dinikmati oleh masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar
8 PEKERJAAN YANG SESUAI DAN PERTUMBUHAN EKONOMI 	Melalui produk Tabung Cakna Armalah, Sijil Wakaf Tunai Pembangunan Ekonomi, Wakaf Halal PKS dan program iTEKAD CIMB Islamic Entrepreneur 2.0, YWM telah membantu golongan berkecukupan untuk menceburi bidang perniagaan, meningkatkan pengeluaran produk dan membantu meningkatkan pendapatan keluarga melalui penyediaan peralatan perniagaan atau modal memulakan perniagaan. Program-program yang dilaksanakan ini dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara
11 BANDAR DAN KOMUNITI YANG MAMPAH 	Dalam usaha mencipta bandar dan komuniti yang tidak hanya berkembang pesat tetapi juga memberikan kesejahteraan kepada semua penduduk, agihan dana-dana YWM turut digunakan bagi tujuan membina / membaik pulih infrastruktur masjid / surau dan pengimaran masjid melalui penyediaan Kebun Bandar Bestari di mana hasil daripada kebun ini akan diagihkan kepada ahli kariah
13 TINDAKAN IKLIM 	Melalui produk Wakaf Masjid Hijau, YWM telah melaksanakan program kelestarian alam sekitar seperti membiayai projek tenaga boleh diperbaharui, sistem pengumpulan dan rawatan air hujan serta kebun bandar bestari




4. PERSEKITARAN, SOSIAL DAN TADBIR URUS (ESG)

		
ENVIRONMENTAL	SOCIAL	GOVERNANCE
YWM menggunakan prinsip alam sekitar dalam pengagihan dana dengan memastikan bahawa projek-projek yang dibiayai mesra alam dan memberi tumpuan kepada kelestarian. Contohnya, pelaksanaan Wakaf Masjid Hijau dan Wakaf Air	YWM memberi tumpuan kepada program-program yang menyokong pendidikan, kesihatan, keusahawanan dan kebajikan sosial. Contohnya, pelaksanaan Tabung Cakna Armalah, Wakaf Halal PKS, Program iTEKAD CIMB Islamic Entrepreneur 2.0 dan Sijil Wakaf Tunai (Pendidikan, Kesihatan dan Pembangunan Ekonomi). Program ini bukan sahaja meningkatkan taraf hidup penerima, tetapi juga membantu membina komuniti yang lebih berdaya tahan dan harmoni	YWM memastikan setiap dana yang diterima diaudit pada setiap tahun, dilaporkan kepada Lembaga Pemegang Amanah serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan

Dengan mengintegrasikan prinsip ESG dalam program agihan, dana YWM termasuklah dana wakaf bukan sahaja memberi manfaat segera kepada penerima tetapi juga menyumbang kepada pembangunan yang mampan, adil, dan beretika. ESG telah membantu YWM untuk menilai dan menguruskan kesan jangka panjang dari setiap program sekaligus memastikan usaha ini selari dengan matlamat kelestarian global dan kesejahteraan masyarakat dalam jangka masa panjang

PADA TAHUN 2023, KAMI TELAH MENGAGIHKAN –



telah memberi manfaat kepada

107,420
orang

Mengoptimum Kebajikan Masyarakat

1 TIADA KEMISKINAN



2 KELAPARAN SIFAR



Agihan berjumlah

RM2,047,560.00

yang telah memberi manfaat kepada

10,028

penerima

Memastikan Kehidupan Berkualiti

3 KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN



4 KUALITI PENDIDIKAN



Agihan berjumlah

RM1,655,953.27

yang telah memberi manfaat kepada

39,326

penerima

Memperkasa Komuniti

8 PEKERJAAN YANG
SESUAI DAN
PERTUMBUHAN
EKONOMI



11 BANDAR DAN
KOMUNITI
YANG MAMPAN



Agihan berjumlah

RM1,234,638.81

yang telah memberi manfaat kepada

33,857

penerima

Memelihara Persekitaran

6 AIR BERSIH
DAN SANITASI



11 BANDAR DAN
KOMUNITI
YANG MAMPAN



Agihan berjumlah

RM1,361,281.00

yang telah memberi manfaat kepada

24,209

penerima

RAKAN STRATEGIK

WAKAF KHAS



TUNAI WAKAF



WAKAF - LINKED TAKAFUL



KEMANUSIAAN



WAKAF - LINKED INVESTMENT



PENGURUS DANA




PENYEDIAAN PLATFORM DIGITAL



POTONGAN CUKAI

- Setiap sumbangan Wakaf Tunai Malaysia dan Program CSR anjuran YWM layak mendapat potongan cukai di bawah subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.
- No. Rujukan Kem. Kewangan: MOF.TAX.700-3/1/464 (17) bertarikh 12 Oktober 2022.
- Pembayar cukai perlu menyimpan resit sumbangan sebagai bukti bagi tujuan rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.



MAKLUMAT PERHUBUNGAN

 **Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya Jalan Tun Abdul Razak Presint 3 62100, Putrajaya**

 **03-8871 0800**

 **019-200 7481**


 **info@ywm.gov.my**

 **www.ywm.gov.my**



Yayasan Waqaf Malaysia

Tom Berwakaf Secara Online di Yayasan Waqaf Malaysia



Setiap sumbangan layak mendapat **potongan cukai 10%** daripada pendapatan agregat di bawah Subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Yayasan Waqaf Malaysia

Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak
Presint 3, 62100, Putrajaya

No. Tel:

03-8871 0800

No. WhatsApp:

019-200 7481

E-mel:

info@ywm.gov.my

Laman Web:

www.ywm.gov.my



@Yayasan Waqaf Malaysia

eISSN 2735-007X

